

Najib Berbuka Puasa Bersama Anggota MT UMNO
Bernama
26 Julai, 2013

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Jumaat menghadiri majlis berbuka puasa bersama anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di ibu negara.

Majlis berlangsung selepas beliau mempengerusikan mesyuarat MT kira-kira tiga jam di Menara Dato' Onn.

Hadir sama timbalan beliau Tan Sri Muhyiddin Yassin, Setiausaha Agung UMNO Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) serta bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Najib dan semua hadirin kemudian menunaikan solat Maghrib, Isyak dan Tarawih berjemaah di Surau Ar-Rahman PWTC.

Terdahulu, Najib yang juga Presiden UMNO menyampai sumbangan duit raya kepada 150 anak yatim dari 15 rumah anak yatim di sekitar Lembah Klang.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=966422>